



29 OCT, 2022

Petronas belanja lebih RM295j untuk pelbagai program di Sabah



Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Petronas belanja lebih RM295j untuk pelbagai program di Sabah

Lagatah Toyos

TAWAU: Petronas membelaikan lebih RM295 juta untuk pelbagai program pendidikan dan pembangunan modal insan di Sabah sejak 2010, kata Naib Presiden Kanan, Pelaksanaan Projek dan Teknologi Petronas, Datuk Bacho Pilong.



Menurutnya, lebih dari 1.15 juta rakyat negeri ini menerima manfaat menerusi pelbagai inisiatif pembangunan modal insan hasil kerjasama erat yang dijalankan bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan rakan strategik lain.

"Antaranya, pembinaan sebuah Maktab Rendah Sains Mara di Ranau bermilai lebih RM110 juta meliputi kawasan seluas 26,000 meter persegi dan mampu menampung 450 pelajar dalam usaha menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang STEM.

"Begitu juga dengan pembinaan sebuah Asrama Harian Luar Bandar di

kawasan pedalaman iaitu di Pulau Balambangan yang siap pada 2019 dan menelan kos berjumlah RM4 juta untuk memberikan akses pendidikan lebih baik kepada 120 orang pelajar di pulau itu.

"Program Discover Petronas@School pula bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang perancangan masa hadapan daripada sektor peluang pekerjaan, minat dalam bidang minyak, gasa dan tenaga serta peluang program penajaan pendidikan dan kemahiran di Petronas.

"Sehingga kini, 1,757 orang pelajar Sabah menyertai program ini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Pra Pelancaran Pusat Sains Tawau dan Sandakan di Institut Penguruan (IPG) Kampus Tawau di sini, pada Kamis yang dirasmikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Yakub Khan.

Bacho berkata, program Kembali Ke Sekolah (Back To School) di bawah Yayasan Petronas pula berjaya memanfaatkan lebih 14,150 pelajar negeri ini yang kurang berkemampuan sejak 2019 menerusi pemberian set baharu peralatan

atas sekolah dan kit kebersihan diri.

Manakala, Program Duta Guru Petronas dengan kolaborasi bersama KPM memfokuskan untuk melengkapskan guru-guru dengan pengetahuan, kemahiran serta daya fikir untuk menjadi sesorang pendidik STEM yang berkesan dan berimpak tinggi menjelang tahun 2030.

"Sehingga hari ini, seramai 103 orang guru STEM berjaya menjalani program dan kini diiktiraf sebagai Duta Guru," katanya.

Manakala, Petrosains Playsmart Centre & Maker Studio yang sedia ada di Kota Kinabalu Sabah menerima lebih dari 1.13 juta pengunjung dari pelbagai peringkat umur dan latar belakang sejak dibuka.

Selain itu, katanya, Petronas juga memberi penekanan kepada pendidikan vokasional dan kemahiran dengan menaja beberapa institusi latihan kemahiran menerusi Program Bantuan Penajaan dan Latihan Institusi Vokasional (Vista) yang sudah memberi manfaat kepada lebih 3,277 orang pelatih dari kalangan belia Sabah sejak 1995.

Katanya, melalui program itu, Petronas menyediakan pelbagai bantuan kepada

institusi latihan termasuk perkakasan, bahan guna habis, bantuan pembelajaran dan latihan serta sokongan teknikal dan khidmat nashiat.

Dalam pada itu, katanya, seramai 400 pelajar menerima peranti berdaya internet melalui Program Bridging the Online Learning Divide (BOLD) di bawah Yayasan Petronas yang bertujuan untuk menangani masalah literasi dalam kalangan murid memerlukan.

Menurut beliau, sebagai rakan kongsi dalam kemajuan Sabah, Petronas berbangga dapat menyumbang kepada bidang pendidikan dan pembangunan modal insan di negeri ini melalui biasiswa, latihan teknikal dan penubuhan kemudahan pendidikan dan latihan.

Beliau percaya ramai belia Sabah akan menyahut cabaran dan terus mencipta kecemerlangan dalam bidang akademik dengan wujudnya kerjasama erat Kerajaan Negeri dan Petronas.

Katanya, Petronas sentiasa komited untuk membantu dan menyokong aspirasi kerajaan Negeri dalam memperkasa bidang sains, teknologi, dan inovasi (STI), seiring peredaran Revolusi Industri 4.0.



29 OCT, 2022

Petronas belanja lebih RM295j untuk pelbagai program di Sabah



Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

TAWAU: Petronas membelanjakan lebih RM295 j u t a untuk pelbagai program pendidikan dan pembangunan modal insan di Sabah sejak 2010, kata Naib Presiden Kanan, Pelaksanaan Projek dan Teknologi Petronas, Datuk Bacho Pilong. Menurutnya, lebih dari 1.15 juta rakyat negeri ini menerima manfaat menerusi pelbagai inisiatif pembangunan modal insan hasil kerjasama erat yang dijalankan pihaknya dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan rakan strategik lain.